


PENGARUH SOSIO-DEMOGRAFI TERHADAP SIKAP
PEMILIHAN MATA PELAJARAN EKONOMI

WEE HOCK SEN

109180



109180

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
1998

ABSTRAK

Kesedaran ilmu ekonomi di kalangan rakyat Malaysia amat penting dalam membangun dan memuliharkan kedudukan ekonomi negara. Keadaan ini selaras dengan pembangunan dan perkembangan dalam bidang sains dan teknologi. Kekurangan ilmu ekonomi akan memberi kesan negatif dalam usaha membangunkan rakyat dan memantapkan kedudukan ekonomi negara. Oleh itu, ilmu ekonomi seharusnya bermula di peringkat sekolah terutamanya di peringkat sekolah menengah. Kajian ini akan cuna menganalisa sejauh mana faktor sosio-demografi mempengaruhi sikap pelajar terhadap pemilihan mata pelajaran ekonomi asas di tingkatan 4. Kajian ini meliputi jajahan Tanah Merah dan Machang, Negeri Kelantan. Objektif utama kajian ini ialah menyelidik perhubungan antara faktor-faktor demografi, sokongan ibu bapa, sosio-ekonomi ibu bapa, pengaruh guru, pengaruh rakan sebaya dan pencapaian akademik dengan sikap pelajar terhadap pemilihan mata pelajaran ekonomi asas. Kajian ini telah dijalankan ke atas 253 orang pelajar tingkatan empat yang memilih mata pelajaran ekonomi asas di 10 buah sekolah. Kajian ini menggunakan borang soal selidik yang mengandungi 58 soalan. Sementara kaeadaan statistik digunakan dalam kajian ini ialah statistik kuantitatif, korelasi Pearson, 'crosstabulation khi-kuasa dua, ANOVA, ujian-t dan analisis regresi berganda. Hasil kajian menunjukkan menunjukkan faktor sokongan ibu bapa, pengaruh guru dan rakan sebaya mempunyai hubungan yang signifikan dengan sikap pelajar terhadap pemilihan mata pelajaran ekonomi asas. Dapatkan R^2 baik and bersesuaian pada 57.7 %

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Struktur ekonomi Malaysia mengalami beberapa perubahan hasil daripada dasar kerajaan serta suasana ekonomi antarabangsa yang mempengaruhi pembangunan ekonomi negara ini. Tambahan pula dengan penekanan kepada sains dan teknologi bagi memodenkan masyarakat kita telah membawa bersama perubahan dalam cara dan gaya hidup kita.

Negara kita Malaysia sudah memasuki tahun ketujuh era pertumbuhan ekonomi yang berterusan. Pelbagai langkah yang cuba digalurkan oleh kerajaan untuk memuliharakan kedudukan ekonomi negara. Antaranya mengutamakan kegunaan barang tempatan, mengurang atau mempelbagaikan import, syarikat tempatan perlu meningkatkan eksport, pengeluar tempatan perlu mengambil kesempatan dengan berdaya saing dari segi harga serta secara agresif menjual barang mereka di pasaran dunia. Masyarakat pengguna pula disarankan amalan berjimat cermat.

Sungguhpun institusi pendidikan negara sedang melaksanakan strategi yang lebih realistik dan mantap ke arah meningkatkan penyertaan pelajar dalam

bidang sains dan teknologi, tapi menjelang abad kedua puluh satu ini ilmu ekonomi haruslah bergerak seiring dengan perkembangan sains ini. Kita perlu mempunyai bilangan profesional bagi memahami dan menangkis masalah yang mengancam ekonomi negara.

Sistem pendidikan negara kita telah dikaji sebagai langkah untuk mempertingkatkan mutu pendidikan negara. Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) telah dilaksanakan di sekolah menengah. Matlamat persekolahan sekolah menengah adalah :

“...untuk memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh, seimbang dan bersepadu meliputi aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani bagi melahirkan insan yang seimbang, harmonis dan berakhlak mulia”.
(PPK, 1990)

Perubahan dalam bidang pendidikan negara menjelang abad ke-21 seharusnya sesuai dengan keperluan semasa. Reformasi pendidikan negara telah dilaksanakan oleh kerajaan. Perlaksanaan reformasi pendidikan negara ini berdasarkan laporan Jawatan kuasa kabinet, termasuk memilih keperluan masa depan iaitu merangkumi keperluan wawasan 2020. (Wan Zahid, 1994). Ini selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara yang berhasrat untuk menghasilkan insan yang seimbang dan harmonis. Pembentukan insan bersepadu ini adalah proses pembentukan pelajar dari segi pengurusan ilmu pengetahuan, pemupukan nilai murni dan perkembangan jasmani yang dilakukan secara menyeluruh.

Menjelang abad ke-21, rakyat Malaysia disarankan menguasai kemahiran ekonomi untuk memudahkan mereka memperkuuh dan seterusnya bagi memenuhi sasaran wawasan 2020 negara. Menurut Faridah (1992) dengan berlandaskan arus pembangunan, kita harus merupakan pengeluar, penjual, pembeli yang benar-benar terlibat dalam kegiatan ekonomi antarabangsa. Dengan ini, sekiranya berlaku sesuatu kejadian atau peristiwa yang akan memberi kesan terhadap ekonomi, kita dengan mudah memahami sebab-sebab berlakunya dan dapat merancang dan menjangka tindakan seterusnya untuk menghadapi kejadian seumpama ini. Fahaman terhadap ilmu ekonomi terutamanya generasi peneraju negara akan datang penting sebagai teras pertumbuhan ekonomi negara.

1.2 Pennyataan Masalah

Dalam Kurikulum Lama Sekolah Menengah (KLSM), para pelajar telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan sama ada mereka perlu mengambil jurusan sastera atau jurusan sains. Apabila Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) diperkenalkan mulai tahun 1988, para pelajar telah diberi kebebasan untuk memilih jurusan yang dikehendaki oleh mereka. Kebebasan memilih mata pelajaran elektif turut diperkenalkan di peringkatan tingkatan 4 dan 5 ini. Ini bermakna selepas KBSM dilaksanakan para pelajar lulusan Penilaian Menengah Rendah (PMR), diberi kebebasan memilih mata pelajaran elektifnya di samping mata pelajaran teras yang diwajibkan kepada pelajar tingkatan 4 dan 5.